

STPM Kertas 1 2014:

Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan

(a) (i) Andaian entiti berasingan menegaskan bahawa pemilik dan perniagaan adalah dua entiti yang berasingan. Ini bererti urusan peribadi pemilik tidak akan direkodkan dalam buku perakaunan perniagaan. Hanya urus-urus niaga pemilik dengan perniagaan akan direkodkan melalui akaun modal dan akaun ambilan. Contoh entiti berasingan dalam kes ini adalah pembukaan akaun yang berasingan bagi perniagaan.

(ii) Andaian berkala atau tempoh perakaunan menyatakan bahawa usia berterusan perlulah dibahagikan kepada tempoh-tempoh yang sama lamanya untuk tujuan penyediaan penyata kewangan perniagaan supaya prestasi perniagaan dapat diketahui bagi tempoh tersebut. Dalam kes ini, pernyataan bahawa penyata akaun perniagaan disediakan secara suku tahun untuk menilai prestasi adalah satu contoh amalan andaian berkala.

(iii) Prinsip pengiktirafan hasil atau realisasi memerlukan hasil diiktiraf apabila terperoleh supaya pengukuran untung atau rugi bersih bagi sesuatu tempoh adalah tepat. Maksud terperoleh adalah barang niaga atau perkhidmatan yang diniagakan selesai dihantar atau disediakan kepada pelanggan. Pelarasan bagi sewa belum terperoleh dalam kes ini adalah satu contoh amalan prinsip ini.

(iv) Prinsip pemanjangan memerlukan belanja diiktiraf apabila terlibat atau digunakan dalam satu tempoh perakaunan. Maksud terlibat atau digunakan ditentukan dengan memadankan secara langsung dengan hasil tempoh berkenaan atau dengan tempoh hasil terperoleh. Kos barang dijual adalah padanan secara langsung dengan hasil, manakala insurans, kadar bayaran, belanja susut nilai dan sebagainya adalah padanan dengan tempoh hasil terperoleh. Contoh dalam kes ini adalah belanja bekalan, belanja susut nilai dan belanja insurans.

(b) (i) Catatan jurnal pelarasan:

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|---------|---|-------|--------|
| 2013 | | RM | RM |
| Sept 30 | Belanja bekalan pejabat Bekalan pejabat (Merekod bekalan pejabat yang digunakan) | 2,800 | 2,800 |
| | Belanja faedah Faedah belum bayar (Merekod pelarasan untuk belanja faedah) | 300 | 300 |
| | Belanja insurans Insurans prabayar (Merekod pelarasan untuk belanja insurans) | 560 | 560 |
| | Belanja susut nilai bangunan Susut nilai terkumpul bangunan (Merekod pelarasan untuk belanja susut nilai) | 450 | 450 |
| | Belanja susut nilai perabot dan peralatan Susut nilai terkumpul P & P (Merekod pelarasan untuk belanja susut nilai) | 335 | 335 |

| | | | |
|--|---|-------|-------|
| | | | |
| | Sewa belum terperoleh Hasil sewa (Merekod hasil sewa yang terperoleh) | 2,880 | 2,880 |
| | Belanja gaji dan upah Upah belum bayar (Merekod pelarasan untuk belanja upah) | 400 | 400 |

(ii) Penyata pendapatan;

| Villa Jasmine Penyata Pendapatan bagi suku tahun berakhir 30 September 2013 | | |
|--|--------|--------|
| | RM | RM |
| Hasil sewa (16,750 + 2,880) | | 19,630 |
| Tolak: Belanja operasi | | |
| Belanja susut nilai bangunan | 450 | |
| Belanja susut nilai perabot dan peralatan | 335 | |
| Belanja bekalan pejabat (650 + 2,800) | 3,450 | |
| Belanja gaji dan upah (10,800 + 400) | 11,200 | |
| Belanja pengiklanan | 1,730 | |
| Belanja pelbagai | 2,600 | |
| Belanja utiliti | 1,910 | |
| Belanja insurans | 560 | |
| Belanja faedah | 300 | 22,535 |
| Rugi bersih | | 2,905 |
| | | |

(iii) Penyata kedudukan kewangan:

| Villa Jasmine | | | | |
|--|--------|-----------------------|--------------|----------------|
| Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2013 | | | | |
| | RM | RM | RM | RM |
| Aset bukan semasa | Kos | Susut nilai terkumpul | Nilai bersih | |
| Tanah | 40,000 | - | 40,000 | |
| Bangunan | 60,000 | 450 | 59,550 | |
| Perabot dan peralatan | 26,800 | 335 | 26,465 | |
| | | | | 126,015 |
| Aset semasa | | | | |
| Akaun belum terima | | | 2,850 | |
| Bekalan pejabat (6,120 – 2,800) | | | 3,320 | |
| Insurans prabayar (3,360 – 560) | | | 2,800 | |
| Tunai di bank | | | 22,080 | |
| | | | 31,050 | |
| Tolak: Liabiliti semasa | | | | |
| Akaun belum bayar | | 9,150 | | |
| Sewa belum terperoleh (4,800 – 2,880) | | 1,920 | | |
| Faedah belum bayar | | 300 | | |
| Upah belum bayar | 400 | | 11,770 | |
| Modal kerja | | | | 19,280 |
| | | | | 145,295 |
| Dibiayai oleh: | | | | |
| Ekuiti pemilik | | | | |
| Modal awal | | | | 120,000 |
| (-) Rugi bersih | | | | 2,905 |
| | | | | 117,095 |
| (-) Ambilan | | | | 1,800 |
| | | | | 115,295 |
| Liabiliti bukan semasa | | | | |
| Pinjaman | | | | 30,000 |
| | | | | 145,295 |